

Dr Mahathir makin

BH - 5 SEP 1990

Oleh ZAINI ZAINUDIN

KALAU Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad **seorang artis**, maka beliau sepatutnya sudah boleh berbangga dengan popularitinya **sekarang**. Ibarat penyanyi **terkenal** yang mendapat tepukan gemuruh dan jeritan **penonton** setiap kali muncul di **pentas**, begitu jugalah dengan Datuk Seri Dr Mahathir. Beliau adalah wira **bangsa** yang mengisi tempat istimewa di **hati** rakyat **jelata**, walaupun pelbagai kritikan **dan cemuhan** dilemparkan kepadanya sejak beliau mengambil alih **tugas** daripada Allahyaxham Tun Hussein Onn **pada** 1982.

Manusia tua, **muda, kecil** dan besar beresak-asak untuk **bersalaman** dengan **Perdana Menteri**. Peluang berjabat **tangan** dengan tokoh penting negara, apalagi bergambar bersama, adalah satu kebanggaan yang sukar dilupa. Malah, **ia diharapkan** menjadi mimpi indah dan kenangan **manis** yang **berpanjang**.

Mereka **juga** berebut-rebut mahu menatap wajah **pemimpin** kesayangan dari dekat. **Setiap** ceruk desa dan pekan yang **dikunjunginya**, Datuk Seri Dr Mahathir **tetap** mendapat **sambutan** mesra yang spontan. **Ketelitian** yang dirasa serta merta **hilang** apabila menyaksikan keghairahan rakyat **mengerumuninya**, walaupun masih **ramai** yang tidak dapat **mendekatinya**.

Perdana Menteri bukan **setakat** popular di kalangan orang Melayu. **tetapi** kaum Cina, India dan Sikh-turut **menghulurkan salam** kemesraan yang ikhlas yang hormat terhadap seorang negarawan.

Panas terik dan hujan ribut tidak pernah menghalang **mereka** keluar beramai-ramai ke majlis perhimpunan rakyat bersama pemimpin atau di **mana-mana majlis** yang **dihadiri** oleh **Perdana Menteri**. Mereka bukan sekadar mahu **melihat** jenis baju yang dipakainya atau **warna** kasut yang **tersarung** di kakinya, tetapi **kedatangan** mereka adalah untuk mendengar amanat daripada seorang bapa. Mereka sabar menunggu sehingga ucapan **selesai** dibaca. **Bagi** Datuk Seri Dr

Mahathir pula, setiap butir **perkataan** yang **diucapkannya** sangat penting kerana **ia** bakal menentukan sokongan rakyat, **sama ada** kepada **pembangkang** atau **parti pemerintah**, dalam pilihanraya umum akan datang.

Laungan **'Hidup Mahathir'** bergema di hampir setiap **perhimpunan** raksasa yang **dianjurkan** oleh **parti** komponen Barisan Nasional (BN). Tepukan dan sorakan raksat **menguatkan** lagi semangat **Perdana Menteri** untuk menjelaskan **dasar** negara **sambil mengingatkan** mereka bahaya mendengar fitnah pembangkang.

Walaupun beliau bukanlah **seorang** 'pelawak' yang bijak menyusun kata-kata sindiran penuh berjenaka, namun **ada** juga beberapa ucapannya yang berjaya menggeletak **pendengar**. Kata-katanya yang **bersemangat** pula sentiasa **mendapat** tepukan gemuruh.

Diukur daripada **populari-**

tinya itu, sudah tentulah **Perdana Menteri** tidak perlu bimbang mengenai kekuatan pengaruh dan kedudukannya, jika itu yang menghalang hasratnya untuk mengadakan pilihanraya umum lebih awal. Beliau boleh melihat dan menilai sendiri **popularitinya** di kalangan umum dalam **siri lawatannya ke seluruh negara** untuk menemui **pemimpin parti** dan rakyat.

Beberapa pemerhati politik **berpendapat**, **beliau** sepatutnya mengadakan segera **pilihanraya** umum sementara sokongan kepadanya masih padu. **Mereka** menambah. **Perdana Menteri** tidak harus menunggu lebih lama kerana dengan bertindak demikian, **ia** boleh mejejakkan popularitinya, yang **tidak dinafikan** adalah faktor utama dalam menentukan **jatuh-bangun** pemimpin, **parti** dan seterusnya kerajaan.

Memang benar, sokongan **kepada** pemimpin tertentu tidak bermakna dalam pilihanraya

mendapat tempat di hati rakyat

umum kalau pencapaian parti keseluruhannya merosot atau parti itu sendiri kalah membentuk kerajaan. Ini bermakna, kejayaan Datuk Seri Dr Mahathir mempertahankan kawasannya tidak membawa sebarang makna kalau BN sendiri kalah teruk di hampir semua kawasan. Jelaslah, kemenangan beliau seorang belum boleh menentukan kejayaan BN untuk terus memerintah negara ini.

Jadi, yang penting dalam hal ini ialah penyertaan semua pihak dalam BN — pemimpin, kakitangan jentera BN, penyokong dan pengundi. Sebab itu, tidak hairanlah kalau ada pihak yang bimbang jika Perdana Menteri terus bersikap menunggu mengenai pengumuman tarikh pembubaran Parlimen kerana ia boleh melunturkan semangat bekerja bersungguh-sungguh anggota BN dan seterusnya menjejaskan prestasi jentera BN bagi melenyapkan impian parti pembangkang untuk memerintah Malaysia.

Sehingga pada saat ini, Perdana Menteri, walaupun menyedari bahawa sokongan rakyat amat penting dalam memastikan pemerintahan kerajaan BN yang berterusan, masih berhasia mengenai tarikh pilihanraya umum.

Ketika ditanya pemberita mengenai tarikh penting itu, Datuk Seri Dr Mahathir selaku Presiden Umno dan Pengerusi BN lebih senang menjawab: "Pilihanraya umum tidak jauh lagi, iaitu mulai sekarang sehingga Oktober 1991. Itulah jawapan kegemarannya dan ia sudah cukup membuatkan orang ramai berteka-teki mengenainya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkali-kali menyatakan bahawa beliau sendiri tidak tahu bila tarikh sebenar pilihanraya.

Jawapannya itu tentulah agak mustahil kedengarannya, tetapi tidak pula mustahil kalau Perdana Menteri sendiri masih berteka-teki dan sedang mencaturkan masa yang sesuai untuk diadakan pilihanraya umum. Dalam pada itu, sukar juga untuk menolak kemungkinan bahawa beliau sudah pun mene-

itu membuatkan ramai 'tukang tilik'hampa kerana silap membuat ramalan mengenai tarikh pilihanraya.

Ramalan mengenai tarikh pilihanraya dibuat sejak akhir tahun lalu lagi dan sekarang, mereka meramalkan pilihanraya sama ada bulan ini, Oktober atau November, iaitu pada musim cuti sekolah yang panjang. Tahun ini saja, empat cuti semester sekolah sudah dilalui tanpa sebarang pengumuman mengenai pilihanraya umum. Kita sekadar dikejutkan dengan pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah bagi membolehkan kerajaan negeri itu mengadakan pilihanraya negeri lebih awal. Pilihanraya umum dikaitkan dengan cuti sekolah kerana ia memudahkan urusan penyediaan tempat membuang dan mengira undi.

Ramalan terbaru, yang dideklarkan oleh Perdana Menteri di Melaka baru-baru ini lebih hebat. Menurutnyanya, ada satu punca mengatakan bahawa kononnya beliau akan mengumumkan pembubaran Parlimen pada 3 September lalu dan hari pengundian dijalankan pada 15 September. Ada juga yang begitu yakin mengatakan bahawa Perdana Menteri akan membatalkan lawatan rasminya ke Korea Selatan bagi menghadapi pilihanraya umum.

Ada juga yang berpendapat, kempen prapilihanraya yang terlalu lama menerusi majlis pertemuan Perdana Menteri

dengan rakyat, boleh menjejaskan sokongan umum kerana semangat mereka yang sebelum ini berkobar-kobar untuk keluar mengundi, akhirnya mati begitu saja kerana terlalu lama menunggu. Mereka menjadi bosan dan tidak ghairah lagi dengan pilihanraya umum.

Hal ini disokong pula dengan petkembangan terbaru di Teluk, yang secara tidak langsung mengubah pandangan dan pemikiran sebahagian besar masyarakat kepada krisis Iraq-Kuwait. Mereka mahu tahu bila Iraq akan 'melepaskan' Kuwait atau bila Amerika Syarikat akan melepaskan tembakan pertamanya ke atas Iraq.

Teka-teki mengenai krisis itu berselangseli dengan persoalan mengenai tarikh pilihanraya umum. Manakala rakyat mengikuti perkembangan selanjutnya di Teluk, mereka juga sebenarnya tidaklah melupakan terus perkembangan dalam negara. Mereka masih tertantantanti bila Perdana Menteri akan mengumumkan pembubaran Parlimen.

Bagaimanapun, beberapa pemerhati politik yang lain pula berpendapat, semangat rakyat untuk menyertai kempen pilihanraya umum dan keluar mengundi tidak akan luntur sekali pun kerajaan akan mengadakan pilihanraya umum sehingga BN menamatkan penggal pemerintahannya tahun depan. Ini kerana pilihanraya umum kali ini dijangka lebih hebat daripada sebelumnya

berikutan penampilan parti baru — Semangat 46, yang bersekongkol pula dengan parti pembangkang lain. Mereka bukannya setakat mahu menumbangkan kerajaan BN, tetapi juga menghapuskan pengaruh Datuk Seri Dr Mahathir. Jadi, rakyat mahu melihat pengaruh siapa yang terhapus dan parti mana yang akan tumbang.

Dengan itu, tidak salah jika kempen prapilihanraya sekarang, sama ada yang dijalankan oleh parti pemerintah atau pembangkang, diibaratkan sebagai gelanggang yang akan menentukan siapa lebih mampu bertahan dalam menghadapi serangan fitnah dan tohmahan. Kempen awal ini akan menjadi bukti kekuatan pengaruh han sokongan setiap parti.

Apa pun, tarikh pilihanraya bukanlah faktor penting kerana yang lebih utama ialah sama ada jentera BN sudah bersedia sedia untuk menghadapi pilihanraya umum. Persiapan itu pula bukan dalam urusan pemilihan calon yang akan bertanding saja, tetapi memastikan kekuatan BN di setiap kawasan yang ditandingi.

Pada masa ini, walaupun pemimpin parti komponen BN nampak sudah cukup bersedia, tetapi masih ada ruang yang perlu diteliti dan difahami sepenuhnya oleh semua ahli parti komponen. Di sesetengah negeri, beberapa parti komponen masih belum bersedia sedia sepenuhnya kerana mereka lebih bersikap bergantung kepada ke-

kuatan pengaruh parti komponen yang lain.

Bagi mereka, oleh kerana calon yang akan bertanding kelak memegang tiket BN, maka mereka menganggap tidak perlu bekerja terlalu kuat kerana parti lain boleh membantu, lebih-lebih lagi jika calon bukan Melayu bertanding di kawasan Melayu.

Menyedari kedudukan itulah menyebabkan Pengerusi BN terpaksa berulang kali menegaskan bahawa ahli parti komponen perlu fahami konsep BJ dan kerjasama yang terbentuk bersama-sama penubuhan Bl. Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan semua ahli parti komponen bahawa mereka tidak sepatutnya menyokong calon parti masing-masing saja, sebaliknya membantu calon mana-mana parti komponen yang dipilih untuk bertanding.

Mereka perlu menyedari bahawa tidak semestinya calon bukan Melayu diletakkan di kawasan Melayu saja dan sebaliknya. Calon Melayu juga boleh bertanding di kawasan majoriti bukan Melayu seperti mana calon bukan Melayu terbukti dapat diterima dengan hati terbuka untuk bertanding di kawasan majoriti Melayu.

Yang penting ialah salin bekerjasama dengan sepenuhati bagi memastikan kemenangan dua pertiga atau lebih majoriti supaya kerajaan BN yang kuat, kukuh dan stabil dapat terus dihidupkan bagi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.